MYOPINE Eye Drops 0.01% w/v

Setiap 5ml mengandungi Atropine Sulphate 0.01% w/v

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MYOPINE Eye Drops
2. Bagaimana MYOPINE Eye Drops berfungsi
3. Sebelum menggunakan MYOPINE Eye Drops
4. Cara menggunakan MYOPINE Eye Drops
5. Semasa menggunakan MYOPINE Eye Drops
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MYOPINE Eye Drops
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan MYOPINE Eye Drops

MYOPINE Eye Drops digunakan untuk memperlahankan kemerosotan rabun jauh (yang dikenali sebagai Myopia) di kalangan kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun dengan kadar peningkatan miopik lebih dari 0.5 diopter (D) setahun.

Bagaimana MYOPINE Eye Drops berfungsi

MYOPINE Eye Drops mengandungi atropine sulphate yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil midriatik (ubat yang membesarkan anak mata) dan sikloplegia (ubat unuk mengendurkan otot yang membolehkan mata untuk focus).

Sebelum menggunakan MYOPINE Eye Drops

- *Bila tidak boleh menggunakan*

  Jangan guna ubat ini jika:

  anda mempunyai alahan atau hipersensitif terhadap atropine sulfate, belladonna alkaloids, atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

  - anda mempunyai masalah peningkatan tekanan dalam mata (glaukoma atau kecenderungan untuk glaukoma)

- *Sebelum menggunakan MYOPINE Eye Drops*

  Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan MYOPINE eye Drops jika:

  - anda menggunakan ubat mata lain atau sebarang ubat-ubatan lain.
  - anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak.

  Mengandung dan menyusukan anak

  Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

  Setakat ini, tiada atau jumlah data terhad berkenaan penggunaan MYOPINE Eye Drops di kalangan wanita mengandung. Penggunaan ubat ini tidak disarankan semasa mengandung atau pada wanita yang berpotensi boleh mengandung tetapi tidak menggunakan perancang kehamilan. MYOPINE Eye Drops tidak boleh digunakan semasa menyusukan anak. Tiada kajian dijalankan untuk menilai kesan penggunaan ubat mata atropine terhadap kesuburan.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

  Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

  Ubat lain mungkin boleh menganggu tindakan MYOPINE Eye Drops. Beritahu doktor and ajika anda menggunakan sebarang ubat berikut dengan sifat antimuskarinik: amantadine, sesetengah antihistamina, phenothiazine, antipsikotik dan antidepresan trisiklik.

Cara menggunakan MYOPINE Eye Drops

- *Berapa banyak harus digunakan*

  Sentiasa guna MYOPINE Eye Drops mengikut arahan. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

  Dos yang disarankan untuk kanak-kanak berumur 6-12 tahun:

  Satu titis secara topical kedalam matan sekali pada waktu malam.

  Arahan penggunaan

  MYOPINE Eye Drops hanya untuk digunakan pada mata.

  - selepas penutup botol dibuka, sekiranya gelang penutup longgar, keluarkan gelang tersebut sebelum menggunakan produk.
  - tarik bahagian bawah kelopak mata sehingga mempunyai ruang yang mencukupi untuk meletakkan ubat
  - titis satu titik ubat di ruang tersebut
  - kelip mata beberapa kali
  - pastikan hujung penitis botol ubat tidak menyentuh mana-mana bahagian mata atau permukaan lain supaya kontaminasi tidak berlaku.
  - tutup botol dengan ketat bila tidak digunakan.

- *Bila perlu digunakan*

  Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

  Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika anda terlupa menggunakan*

  Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Gunakan dos seterusnya pada masa biasa.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

  Jika anda rasa anda mungkin telah menggunakan terlalu banyak ubat anda, anda boleh membilas mata dengan air suam. Hubungi doktor anda atau hospital terdekat anda.

MYOPINE Eye Drops 0.01% w/v

Setiap 5ml mengandungi Atropine Sulphate 0.01% w/v

Semasa menggunakan MYOPINE Eye Drops

- *Perkara yang perlu dilakukan*
  Guna ubat anda mengikut arahan doktor .

  Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan MYOPINE Eye Drops.

  Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

  Gunakan MYOPINE Eye Drops hanya dengan preskripsi doktor.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
  Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

  Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

  Jangan memberi MYOPINE Eye Drops kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

- MYOPINE Eye Drops adalah untuk kegunaan luar badan sahaja. Jangan telan ubat ini. Jika tertelan, hubungi doktor anda atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat **dengan segera.**
- Cuci tangan selepas menggunakan ubat ini dan elakkan terkena bahagian mulut.
- MYOPINE Eye Drops hendaklah dibuang 4 minggu selepas botol dibuka pertama kali. dibuka.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, MYOPINE Eye Drops boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku termasuk:

- rasa pedih bila ubat dititis ke dalam mata
- mata menjadi lebih sensitive kepada cahaya (fotofobia)
- penglihatan dekat kabur (ketajaman penglihatan berkurang) dan silau
- tindak balas alahan setempat (gatal, kerengsaan dan kemerahan)

Jika kesen sampingan ini berlaku, anda harus berhenti menggunakan MYOPINE Eye Drops dan beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan MYOPINE Eye Drops

- *Penyimpanan*
  Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

  Simpan di bawah suhu 30°C.

  Jangan guna MYOPINE Eye Drops selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label botol.
  Selepas dibuka, botol dan isi kandungan yang selebihnya mesti dibuang selepas empat minggu..

- *Pelupusan*
  Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*
  MYOPINE Eye Drops mengandungi 5ml ubat mata dengan cecair jernih, tidak bewarna, dan steril yang dibekalkan dalam botol penitis plastik

- *Bahan-bahan kandungan*

  - Bahan aktif:
    Setiap 5ml mengandungi Atropine Sulphate 0.01% w/v.

  - Bahan tidak aktif:
    Benzalkonium Chloride 0.01% w/v sebagai pengawet, boric acid, hypromellose, disodium acetate dan purified water.

- *Nombor MAL:*
  MAL24096021ACZ

Pengilang
Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate, 75250 Melaka, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk
IDB VisionCare Sdn Bhd
A-10-01, Tropicana Avenue,
Persiaran Tropicana,
40410 Petaling Jaya, Selangor
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
Julai 2025

Nombor siri
NPRA (R1) 24/026